

07 AUG 1997

Tajol-Rela

IMBUHAN UNTUK ANGGOTA RELA DILULUSKAN

PASIR PUTEH, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan meluluskan imbuhan sebanyak RM1 juta kepada 240,000 anggota Angkatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) di seluruh negara sebagai menghargai komitmen dan pengorbanan mereka terhadap keselamatan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan peruntukan itu baru-baru ini.

"Bentuk pembayaran imbuhan itu belum diputuskan lagi bagaimana pun saya telah mengarahkan Ketua Pengarah RELA Mohd Hussain Shafie untuk menguruskan proses pembayaran itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis ramah mesra dan penyampaian senjata api dan sijil penghargaan kepada anggota RELA Kelantan di Gong Tinggi dekat sini, malam tadi.

Tajol Rosli berkata, imbuhan itu bukanlah dalam bentuk gaji atau elaun tetapi sebagai imbuhan untuk menghargai sumbangan mereka membantu pasukan keselamatan mempertahankan negara dan ketenteraman awam.

"Pada masa akan datang kita akan minta supaya RELA dimasukkan dalam Belanjawan negara supaya elaun dapat diberikan kepada anggota RELA secara tetap," katanya.

Katanya, kerajaan juga mahukan supaya lebih ramai wanita dan golongan profesional menyertai pasukan itu bagi memantapkan lagi tugas badan itu terutamanya dalam usaha kerajaan membanteras kemasukan pendatang asing dan dadah.

Bagi menentukan perkhidmatan yang berkesan, latihan berjadual sedang dirangka supaya anggota pasukan itu mendapat latihan secukupnya dan berfungsi sebagai "mata dan telinga" kerajaan.

Mengenai tindakan PAS menubuhkan pasukan khas untuk bertindak membuat penahanan awam terhadap mereka yang terbabit menyalahgunakan kuasa termasuk rasuah pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Semerak pada 11 Ogos ini, Tajol Rosli yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata, tindakan itu adalah baik bagi mengelak gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa menular dalam masyarakat.

Katanya, kerajaan mahu memastikan perjalanan pilihan raya itu berlangsung dalam suasana bersih dan aman. --BERNAMA

BD oba